

IKLAN JAWATAN KOSONG



PARLIMEN MALAYSIA MEMPELAWA WARGANEGARA MALAYSIA YANG BERKELAYAKAN UNTUK MEMOHON JAWATAN BERIKUT:

1. BUTIRAN JAWATAN

- | | | |
|-----|-----------------------|----------------------------|
| 1.1 | Jawatan/ Gred | : Juruaudio Visual Gred N1 |
| 1.2 | Kementerian/Jabatan | : Parlimen Malaysia |
| 1.3 | Kumpulan Perkhidmatan | : Pelaksana |
| 1.4 | Taraf Jawatan | : Kontrak |

2. **GED DAN JADUAL GAJI** : RM1,500.00 – RM4,680.00 (Gred N1)

3. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki seperti berikut:

- 3.1 Warganegara Malaysia;
- 3.2 Berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak lebih daripada tarikh tutup iklan jawatan;
- 3.3 Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
- 3.4 Memiliki Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau
- 3.5 Memiliki Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 atau 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- 3.6 Memiliki lesen memandu kelas DA/D yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan.

4. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- 4.1 Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta **memperoleh Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat SPM/SVM.

5. KEPERLUAN TAMBAHAN

- 5.1 Calon mempunyai pengetahuan asas berkaitan dalam sistem Audio dan Visual dan boleh bekerja secara berpasukan;
- 5.2 Berkemahiran mengendalikan audio mixer, amplifier, loudspeaker, DSP, video switcher, video processor, projector dan LED skrin; dan
- 5.3 Kepakaran dalam mengendalikan audio mixer (analog atau digital). Sila *lampirkan* latihan atau kursus dalam bidang AV yang pernah terlibat.

6. DESKRIPSI TUGAS

- 6.1 Mahir dan berpengetahuan dalam mengendalikan pemasangan peralatan audio visual di Bilik Mesyuarat dan Dewan;
- 6.2 Membuat pemantauan terhadap tahap kualiti audio, paparan visual, signal dan status peralatan semasa operasi;
- 6.3 Membuat persediaan awal dalam pemasangan peralatan audio visual mengikut keperluan majlis;
- 6.4 Mengenal pasti dan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang dihadapi (*feedback/noise, humming, distortion, audio imbalance, signal loss* dan lain-lain); dan
- 6.5 Bertanggungjawab untuk membantu melaksanakan pemasangan, konfigurasi, pengujian, pengoperasian, pemantauan, penyelenggaraan asas, *troubleshooting* dan sokongan teknikal terhadap peralatan serta sistem AV.

7. CARA MEMOHON

- 7.1 Permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Borang Permohonan** yang boleh dimuat turun secara *online* di Portal Parlimen Malaysia (www.parlimen.gov.my).
- 7.2 Borang permohonan yang lengkap hendaklah disertakan satu (1) keping gambar terbaru berukuran pasport (tidak dikembalikan), *Resume*, salinan Sijil Kelahiran, Salinan *MyKad*, salinan Kelulusan Akademik, salinan Perakuan Perkhidmatan Pegawai terdahulu dan salinan Sijil Berhenti Sekolah serta dokumen sokongan yang berkaitan. Semua salinan dokumen tersebut hendaklah **ditandatangani dan diperakui sah** oleh Pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 9 ke atas).
- 7.3 Borang permohonan yang lengkap perlu dihantar ke alamat seperti berikut:

**KETUA PENTADBIR PARLIMEN MALAYSIA
ARAS 4, BLOK AHLI PARLIMEN DAN PENTADBIRAN
JALAN PARLIMEN 50680 KUALA LUMPUR
(U.P: SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN
INOVASI)**

8. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 14 SEPTEMBER 2026 (ISNIN)

TARIKH IKLAN : 07 SEPTEMBER 2026 (ISNIN)

Catatan Am :

- (a) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.
- (b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan hendaklah menganggap bahawa permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan temu duga jawatan ini tidak akan ditanggung oleh Kerajaan.